

24/09/1998

BN Perak nyatakan sokongan

IPOH, Rabu - Barisan Nasional (BN) Perak meluluskan resolusi menyatakan ikrar menyokong sepenuhnya kepemimpinan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Perdana Menteri dan Pengerusi BN.

Resolusi itu yang ditandatangani semua 23 Pengerusi BN bahagian di Perak selepas mesyuarat dua jam di kediaman Menteri Besar di sini petang ini, turut menyokong pemecatan Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Pengerusi BN negeri, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata hasil perbincangan itu, semua pengerusi BN bahagian terbabit menyatakan ikrar dan menandatangani resolusi berkenaan.

"Resolusi yang ditandatangani itu menyokong tindakan yang sudah dan akan diambil kerajaan dalam menyelesaikan isu pemecatan Anwar.

"Salinan asal resolusi itu akan diserahkan kepada Dr Mahathir," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat pertama dengan 23 Pengerusi BN bahagian itu di sini, petang ini.

Ramli berkata, beliau juga memberi penerangan berhubung kes Anwar kepada pemimpin komponen BN, selain yang diusahakan Umno.

Menurutnya, mesyuarat itu turut memberi tumpuan kepada persediaan awal menghadapi pilihan raya umum termasuk melengkapkan semula bilik gerakan BN serta disusuli penyerahan daftar akhir pengundi untuk disemak semula.

Selain itu, katanya, mereka diminta terus bersama kerajaan bagi meningkatkan pengeluaran bahan makanan serta menggalakkan pelabur menanam modal.

Mengenai penahanan Ketua Pemuda Umno Bahagian Lumut, Dr Zambry Abdul Kadir mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) kelmarin, Ramli berkata, penahanan itu memperlihatkan tahap pembabit Dr Zambry dalam gerakan reformasi yang dicanangkan Anwar.

"Penahanan Dr Zambry itu menunjukkan darjah pembabitannya dengan perjumpaan yang dikaitkan dengan Anwar. Dia mungkin terbabit, jika tidak tak akan diambil tindakan begitu," katanya.

Menurutnya, perhimpunan untuk menyokong Anwar yang dijangka diadakan malam tadi di Taiping juga gagal, sekali gus membuktikan golongan terbabit tidak mempunyai kekuatan dalam perkara itu.

Beliau berharap orang ramai tidak terpengaruh atau menyertai perhimpunan seumpama itu.

(END)